




A Better Future for all Malaysians



BERHATI-HATI TERHADAP PERBELANJAAN BESAR INI

Apakah perkara buruk yang boleh berlaku?

a. Tidak mengetahui apa yang anda benar-benar mampu

Buat senarai semua perbelanjaan bulanan dan tahunan anda, tolak ini dari gaji bersih anda dan anda akan tahu berapa banyak yang anda boleh belanjakan pada ansuran rumah baru anda setiap bulan. Sekarang anda boleh mengenal pasti jenis atau saiz rumah yang anda boleh benar-benar mampu.

b. Tidak mengetahui skor kredit anda

Adalah penting untuk menyemak skor kredit anda sebelum membeli rumah. Sekiranya anda mempunyai skor kredit yang rendah dan tidak dapat mendapatkan pinjaman rumah, terdapat banyak cara untuk memperbaikinya, dan membantu peluang anda mendapat kelulusan pinjaman.

c. Gagal mengambil kira perbelanjaan tambahan

Jangan lupa perbelanjaan lain seperti cukai tanah, cukai pintu, insurans rumah, insurans gadai janji dan penyelenggaraan atau pengubahsuaian rumah.


d. Tidak mengambil kira masa hadapan

Beberapa soalan yang perlu anda tanyakan mengenai potensi kejiranan anda

- Apakah rancangan pembangunan yang akan dijalankan?
- Apakah kadar naik nilai untuk hartanah?
- Adakah kawasan ini selamat atau terdedah kepada bencana alam seperti tanah runtuh dan banjir kilat?



1 Membeli Hartanah



2 Membayar untuk Pendidikan Tinggi

Apakah perkara buruk yang boleh berlaku?

a. Ijazah tidak diiktiraf

Pastikan bahawa ijazah itu menerima pengiktirafan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Jika tidak, anda perlu mengambil beberapa peperiksaan atau kursus yang layak, yang akan menelan belanja lebih banyak.

Untuk kursus profesional seperti Perakaunan, Kejuruteraan atau Perubatan, anda perlu memastikan ia diiktiraf oleh Badan Profesional yang berkaitan.

b. Terperangkap dalam belunggu hutang

Pembiayaan pendidikan tinggi boleh menelan belanja besar terutamanya di universiti swasta tempatan atau universiti di luar negara. Tanpa perancangan kewangan yang betul untuk membiayai pendidikan universiti, seseorang boleh tenggelam dalam hutang.

Apakah perkara buruk yang boleh berlaku?

a. Perancang perkahwinan

Menggunakan perancang perkahwinan sehenti bermakna anda boleh menguruskan persiapan perkahwinan anda dengan mudah. Ini juga penting untuk mempunyai perancang perkahwinan yang berpengalaman dan boleh dipercayai untuk menguruskan kos.

b. Pakaian perkahwinan

Ia bagus untuk mendapatkan gaun pengantin yang dibuat khas untuk kenang-kenangan. Walau bagaimanapun, ia juga lebih mahal untuk sesuatu yang akan digunakan sekali sahaja.



3 Merancang Perkahwinan



Jika anda ingin mengetahui lebih banyak cara untuk DuitSmart dan mendapatkan kesihatan kewangan yang lebih baik, sila layari www.hlb.com.my/duitsmart

Artikel ini dibawa kepada anda daripada Hong Leong Bank dengan kerjasama iMoney.my

Berwaspada dengan kesilapan kewangan diluar jangkaan anda yang bakal tiba pada bila-bila masa. [Ketahui lebih lanjut!](#)

Disclaimer: This content is for informational purposes and use only. It does not constitute and is not intended as financial or investment advice. You are encouraged to consult with competent accounting, financial or investment professionals based on your specific circumstances and needs before making any financial or investment decisions. We do not make any warranties as to accuracy or completeness of this information, do not endorse any third-party companies, products, or services described here, and take no liability for your use of this information. Figures and pictures, where used, are for illustration and explanation purposes only.